

**Politik Kebencian Semai Benih Politik Samseng - Musa Hassan  
Bernama  
6 Disember, 2012**

SHAH ALAM, 6 Dis (Bernama) -- Budaya politik samseng yang berlaku di majlis ceramah dan kempen politik adalah disebabkan wujudnya amalan politik kebencian yang menyerang peribadi individu, kata bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan.

Beliau berkata pemimpin politik sepatutnya menerangkan apa yang dilakukan oleh kerajaan atau parti untuk rakyat dan bukannya menyerang peribadi seseorang yang boleh mewujudkan politik samseng.

Semasa dulu, pilihan raya diadakan seperti pesta, pembangkang dan kerajaan berkempen cara aman, tetapi sekarang tidak lagi, katanya pada Wacana anjuran akhbar Sinar Harian bertajuk 'Politik Samseng Di Mana Maruah Kita?' di sini Khamis.

Anggota Parlimen Hulu Selangor P.Kamalanathan, Presiden Institut Integriti Malaysia Datuk Dr Mohd Tap Salleh, Ahli Jawatan Kuasa PAS pusat Muhamed Hanipa Maidin turut mengambil bahagian dalam wacana yang dikendalikan Prof Datuk Mohamad Abu Bakar dari Universiti Malaya.

Mengulas lanjut, Musa berkata kini kempen pilihan raya diwarnai dengan insiden baling botol dan pelbagai karenah anggota parti, justeru katanya pemimpin politik perlu memastikan para penyokong mereka dalam keadaan terkawal.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis tersebut Musa memberi jaminan bahawa beliau tidak akan terlibat dengan parti politik kerana tidak mahu terkongkong.

Beliau berkata adalah lebih baik beliau bebas bersuara kerana mudah untuk beliau memberi nasihat atau membetulkan keadaan.

Sementara itu, Kamalanathan dalam wacana itu berkata para pemimpin perlu mengawal penyokong mereka dan juga diri sendiri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714595>